

11/11/1999

Pengagihan kerusi BN kekal

PUTRAJAYA, Rabu - Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kuota pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponennya pada pilihan raya umum kali ini, kata Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tidak berlaku banyak perubahan kecuali kemungkinan pertukaran kawasan. Bagaimanapun, ia tidak mengurang atau menambah jumlah kerusi yang dimiliki parti-parti komponen sekarang.

"Pembahagian kerusi antara parti komponen akan ikut keadaan biasa. Tidak banyak perubahan, ikut sedia ada. Mungkin tukar kawasan tapi dari segi jumlah masing-masing, tidak ada perubahan," katanya dalam sidang akhbar khas selepas mengumumkan pembubaran Parlimen, di sini hari ini.

BN merangkumi 14 parti komponen terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat (PPP) di Semenanjung serta Parti Liberal Demokratik (LDP), Akar Bersatu (Akar), Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun Bersatu (Upko), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Parti Maju Sabah (SAPP) di Sabah.

Di Sarawak pula, komponen BN ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pada pilihan raya umum 1995, BN bertanding di semua 192 kerusi Parlimen dan 364 kerusi Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah itu, Umno diperuntukkan 103 kerusi Parlimen, MCA (35), MIC (tujuh), Gerakan (10), PBB (10), SNAP (empat), SUPP (tujuh), PBDS (lima), SAPP (tiga), PBRS (dua), Akar Bersatu (dua), PDS (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN yang bertanding tanpa mewakili mana-mana parti.

Keputusannya ialah Umno memenangi 89 kerusi Parlimen, MCA (30), MIC (tujuh), Gerakan (tujuh), PBB (10), PBDS (lima), SNAP (tiga), SUPP (tujuh), SAPP (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN dari Sarawak, yang tidak mewakili mana-mana parti komponen BN.

Pada peringkat negeri, menunjukkan Umno memperolehi 230 kerusi, MCA (70), MIC (15) dan Gerakan (23).

Bagi pembangkang, pilihan raya 1995 menyaksikan DAP memperolehi sembilan kerusi, diikuti oleh Pas (tujuh), Parti Melayu Semangat 46 (enam), dan PBS (lapan), manakala di peringkat negeri, Pas menguasai 33 kerusi, S46 (12), dan DAP (11).

Mengenai senarai calon BN, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno membayangkan ramai muka baru.

"Kita akan adakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen BN untuk menentukan siapa yang betul-betul layak menjadi calon," katanya sambil melahirkan keyakinan BN dapat mengekalkan majoriti dua pertiga.

Sebelum sidang akhbar itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan semua menteri besar dan ketua menteri daripada BN, manakala malam ini, beliau mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

Ditanya sama ada pakatan empat parti pembangkang yang bergelar "Barisan Alternatif" boleh memberikan cabaran kepada BN, Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Barisan Alternatif tidak wujud, Barisan Berpecah Alternatif wujud."

Katanya, empat parti pembangkang - Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) - sebenarnya tidak mempunyai persamaan pendapat.

"Mereka akan bercakaran, percayalah. Dan kalau mereka tidak puas hati dengan parti dalam barisan mereka, mereka akan cuba menjatuhkan calon

parti itu," katanya.

(END)